

SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN
KEPADA PEMOHON SETELAH KELULUSAN DI
PEROLEHI

MDTM/KJKB/04/01

NO.PINDAAN : 05

TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

1.	BORANG YANG TELAH DILULUSKAN	
2.	RESIT BAYARAN	
3.	STICKER @ PELEKAT KELULUSAN	
4.	SENARAI PEMBEKAL TONG SAMPAH RO-RO	



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

PELAN SETARA

>garis panduan

>syarat-syarat

>borang permohonan

Jabatan Kejuruteraan dan Kawalan Bangunan


TARIKH KUATKUASA : 1 NOV 2013

DIKEMASKINI PADA : 1 JAN 2021

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT MENGEMUKAKAN PELAN SETARA

1. Buku panduan ini menetapkan garis panduan dan lakaran bagi keperluan asas yang menentukan kerja-kerja tambahan / ubahsuai bangunan rumah teres
2. Pelan lakar yang disediakan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim adalah sebagai menggantikan pelan seperti di dalam peruntukan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986, Seksyen 18(1).
3. Pemilik adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kestabilan dan kekukuhan semua struktur yang dibina. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab ke atas segala tuntutan, dakwaan atau tindakan yang diakibatkan dari pembinaan kerja-kerja tambahan ini.
4. Pemilik bangunan yang bercadangkan untuk membuat sambungan berpandukan kepada pelan lakar di dalam buku panduan ini hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Kejuruteraan dan Kawalan Bangunan untuk mendapatkan kelulusan.
5. Semua pelan lakar dan spesifikasi di dalam buku panduan ini tidak boleh dipinda atau diubah dalam segala bentuk sekalipun. Kegagalan mematuhi kehendak ini akan mengakibatkan permohonan ditolak.
6. Kelulusan yang dikeluarkan adalah sah untuk tempoh 1 tahun sahaja. Pemilik yang bercadang untuk membuat pembinaan selepas tamat tempoh dihendaki mengemukakan permohonan baru dan pembayaran yuran baru
7. Pembinaan struktur adalah di dalam kawasan pemilik sahaja.
8. Kerja-kerja pembinaan tidak termasuk tambahan / pindaan kepada pemasangan sanitari kecuali sinki.
9. Saluran paip buangan dari sinki, hendaklah melalui 'Manhole' tidak terus ke longkang.
10. Kerja –kerja bancuhan konkrit/ simen tidak dibenarkan dilakukan diatas jalan / premix
Kecuali menggunakan alas/ lapik serta tidak meninggalkan kesan simen diatas jalan / premix.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PELAN SETARA




PANDUAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

1. Pemilik hendaklah memastikan kedudukan bangunan sediaada terutama ukuran bangunan, ukuran lot, jarak dari sempadan hadapan, belakang dan sisi (jika ada) untuk disesuaikan dengan perubahan yang akan dibina.
2. Pilih pelan lakar yang sesuai dengan binaan yang dicadangkan tidak melebihi 4 jenis kerja-kerja tambahan / pindaan.
3. Pemilik dikehendaki mengemukakan borang permohonan dan pelan lakar yang telah dilengkapi berserta dokumen sokongan kepada Bahagian Kejuruteraan dan Kawalan Bangunan, Majlis Daerah Tanjong Malim.
4. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan dokumen berikut :-
 - a) Borang permohonan yang diisi lengkap
 - b) 2 salinan pelan lakar yang berkaitan (1 salinan asal dan 1 salinan fotostat).
 - c) 1 salinan Sijil Kelayakan Menduduki atau Perjanjian Jual Beli atau Geran Hak Milik.
 - d) 1 salinan Cukai Pintu terbaru.
 - e) Gambar bertarikh lokasi pembinaan (gambar terkini).
5. Bil tuntutan bayaran dan **WANG PERTARUHAN** hendaklah dijelaskan sebelum permohonan diterima dan dproses.

KELULUSAN PELAN SETARA ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERKARA BERIKUT :-

1. Majlis Daerah Tanjong Malim memberi kelonggaran kepada pemilik untuk merekabentuk binaan yang akan dibina dengan syarat mematuhi semua penentuan dan had jarak, anjakan, ukuran maksima atau minima yang ditetapkan di dalam pelan lakar.
2. Semua permukaan dinding batu hendaklah diplaster dan dicat kepada kedua-dua permukaan.
3. Ketinggian aras lantai rumah adalah 2 kaki (maksima) daripada aras lorong belakang.
4. Binaan tersebut mestilah dibina di atas asas yang kukuh dan boleh menanggung beban struktur binaan tersebut.
5. Pembinaan struktur baru yang menyatukan kepada struktur sediaada hendaklah mengikut amalan kejuruteraan binaan yang dipastikan kukuh dan selamat. Adalah menjadi tanggungjawab pemilik sendiri bagi memastikan perkara tersebut dipatuhi sepenuhnya.
6. Pemilik yang tidak mematuhi keperluan yang ditetapkan akan diarah mengubahsuai atau meroboh binaan tersebut. **WANG PERTARUHAN AKAN DITAHAN** dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap pemilik bangunan yang ingkar mematuhi syarat yang dikemukakan.
7. Pihak Majlis Daerah Tanjong Malim akan membuat pemeriksaan dan pemantauan dari semasa ke semasa terhadap kerja-kerja pembinaan sehingga bangunan tersebut siap dibina.
8. Pemohon dikehendaki menggunakan perkhidmatan tong sampah ro-ro bagi pelupusan sisa pepejal bahan binaan.
9. Gambaran imej pelan setara untuk rumah setingkat dan rumah dua tingkat adalah sama seperti dalam lampiran A dan lampiran B.



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

BAHAGIAN KEJURUTERAAN DAN KAWALAN BANGUNAN

BORANG PERMOHONAN PELAN SETARA

1. Nama Pemilik :
2. No.Kad Pengenalan :
3. No. Tel. :(R)
.....(H/P)
)
4. Alamat Pemilik Bangunan :
.....
.....
.....
5. Alamat Surat-menyurat :
(jika lain daripada di atas)
.....
.....

Untuk Diisi Oleh Pemohon Tandakan (✓)	Untuk Kegunaan MDTM
☐	☐
☐	☐
☐	☐
☐	☐
☐	☐
☐	☐

6. Tambahan Yang Dicadangkan Adalah Seperti Berikut :

*Sila tandakan (√) pada permohonan yang berkenaan (maksima 4 saja)

		Untuk Diisi Oleh Pemohon Tandakan (√)	Untuk Kegunaan MDTM
a) MDTM / PS 1	Tambahan hadapan bumbung jenis kongsi rumah teres	☐	☐
a) MDTM / PS 2A	Tambahan belakang rumah 1 tingkat	☐	☐
b) MDTM / PS 2B	Tambahan belakang rumah 2 tingkat	☐	☐
c) MDTM / PS 2C	Tambahan belakang berserta ' grill ' bagi rumah teres	☐	☐
d) MDTM / PS 3	Tambahan teres terbuka di bahagian tepi.	☐	☐
e) MDTM / PS 4	Binaan pagar baru .	☐	☐
f) MDTM / PS 5A	Tambahan sebahagian belakang rumah teres (jenis A)	☐	☐
g) MDTM / PS 5B	Tambahan sebahagian belakang rumah teres ` (jenis B)	☐	☐
h) MDTM / PS 5C	Tambahan pembinaan loteng	☐	☐

7. Sila Semak Dokumen Sokongan :

		Untuk Diisi Oleh Pemohon Tandakan (√)	Untuk Kegunaan MDTM
7.1	1 Salinan Kad Pengenalan	☐	☐
7.2	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki / Perjanjian Jual Beli / Geran Hak Milik.	☐	☐
7.3	1 Salinan – Cukai Taksiran	☐	☐
7.4	1 Salinan – Cukai Tanah	☐	☐
7.5	Salinan Asal Pelan Setara	☐	☐
7.6	Gambar FOTO tapak bertarikh terkini (pandangan hadapan, belakang, sisi)	☐	☐

8. Bayaran

		Untuk Diisi Oleh Pemohon Tandakan (√)	Untuk Kegunaan MDTM
8.1	Borang percuma		
8.2	Bayaran Pelan (RM 50.00 X _____) RM		
8.3	Permit Kerja Kecil & Permit Sementara RM 480.00		
8.4	Stiker Kelulusan RM 20.00		
8.5	Wang Cagaraan RM 1000.00		
	Jumlah : RM		

PERINGATAN :

- * Borang permohonan yang kotor dan rosak tidak akan diterima.
- * Pihak Majlis tidak bertanggungjawab atas kegagalan rekabentuk dan struktur bangunan ini oleh sebab – sebab terhad termasuk kesan dan akibat dari bencana alam

1. Saya telah membaca segala garis panduan dan syarat-syarat pengemukaan pelan setara yang telah ditetapkan di dalam borang ini dan faham sepenuhnya. Saya bersetuju untuk mengemukakan permohonan ini dengan risiko tanggungan sendiri.
2. Saya meperakui bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan sekiranya saya melencong daripada pelan yang diluluskan, saya akur bahawa **WANG PERTARUHAN** saya tidak akan dikembalikan.

Diisi oleh pemohon

(tandatangan pemohon)

Tarikh :

9.Ulasan MDTM

Permohon pelan setara ini telah disemak dan didapati * lengkap / tidak lengkap megikut keperluan Bahagian Kejuruteraan & Kawalan Bangunan.

Permohonan * diproses / ditolak

Jika ditolak, sila nyatakan sebab-sebab :.....

Disemak oleh Pembantu Tadbir

Disahkan oleh Pegawai Tadbir (Kejuruteraan) MDTM

.....

.....

Tarikh:

Tarikh:

SURAT AKUAN SUMPAH PERMOHONAN BAGI PELAN SETARA

SURAT AKUAN SUMPAH

Saya / Kami nombor Kad
Pengenalan

..... yang beralamat di Lot No. Jalan *Taman
/ Bandar

..... Mukim *Hulu Bernam Timor / Slim, Daerah Muallim,
Perak Darul Ridzuan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1 Saya / Kami adalah pemunya bangunan *dan / atau tuan punya berdaftar bagi tanah yang beralamat di Lot No. Jalan *Taman / Bandar Mukim *Hulu Bernam Timor / Slim, Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan.

2 Saya / Kami menyatakan bahawa pelan bangunan yang dikemukakan oleh saya bagi Cadangan *Tambahan hadapan bumbung jenis kongsi rumah teres / *Tambahan belakang rumah 1 tingkat / *Tambahan belakang rumah 2 tingkat / *Tambahan belakang berserta ‘grill’ bagi rumah teres / *Tambahan teres terbuka di bahagian tepi / *Binaan pagar baru / *Tambahan sebahagian belakang rumah teres (jenis A) / *Tambahan sebahagian belakang rumah teres (jenis B) / *Tambahan pembinaan loteng adalah untuk permohonan Pelan Setara bagi satu unit rumah kediaman.

*Potong yang mana tidak berkenaan

3 Saya / Kami menyatakan bahawa saya bertanggungjawab ke atas pembinaan bangunan dan struktur yang dibina supaya selamat dan tidak menimbulkan kacau ganggu, bantahan awam, aduan awam, jiran bersebelahan atau orang awam;

4 Saya / Kami bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang isu atau risiko yang timbul di masa hadapan ke atas keselamatan, sebarang kejadian kemalangan yang timbul dan saya tidak akan menuntut sebarang ganti rugi kepada Majlis Daerah Tanjong Malim (Majlis). Dan saya / kami berjanji akan membayar ganti rugi yang berpunca daripada kerosakan atau kecacatan bangunan saya ini apabila dituntut oleh Majlis Daerah Tanjong Malim, dan

5 Saya / Kami juga sedar kemudahan infrastruktur dan utiliti ke tapak ini adalah di bawah tanggungjawab saya / kami dan bukan tanggungjawab Majlis Daerah Tanjong Malim untuk menyediakannya.

Saya sedar bahawa Majlis bergantung kepada akuan sumpah saya ini dan boleh apabila disabitkan dikenakan tindakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Dan saya membuat Akuan Sumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah BENAR, serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu:

(Nama):
di (Alamat):
di (Daerah):
di (Negeri):
pada:
}

Di hadapan saya,

.....

* Pesuruhjaya Sumpah / Majistret / Hakim Mahkamah Seksyen

*potong yang mana tidak berkenaan

